

Dua pemimpin tertinggi Pas mahu bersaing — PM

UM 10 SEP 2003

PUTRAJAYA 9 Sept. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan dua pemimpin tertinggi Pas sedang bersaing sesama sendiri dan mahu membuktikan kehebatan mereka kepada penyokong masing-masing.

Ini, kata beliau, berikutan beberapa kenyataan kontroversi yang dikeluarkan Pemangku Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dan Mursyidul Am parti itu, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat sejak kebelakangan ini.

“Mereka cuba menarik perhatian di kalangan pengikut masing-masing, siapa yang lebih baik antara mereka terutamanya sekarang (menjelang Muktamar Agung Pas),” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan First Hill Electronics (M) Sdn. Bhd. berhubung hak milik Mikrochip Malaysia (MM Chip) di Jabatan Perdana Menteri di sini hari ini.

Dr. Mahathir ditanya mengenai kenyataan kontroversi Abdul Hadi dan Nik Abdul Aziz kebelakangan ini yang dilihat sebagai keterlaluan dan tidak patut dikeluarkan oleh pemimpin seperti mereka.

Abdul Hadi baru-baru ini menimbulkan kontroversi apabila melabelkan polis sebagai ‘syaitan bisu’ kerana mendiamkan diri ketika berdepan dengan kegiatan mungkar.

Nik Abdul Aziz pula mendakwa graduan lepasan universiti sekarang tidak berakhlak dan banyak terbabit dengan jenayah rasuah, maksiat dan zina.